



جابتنهن ڦرانخهن ایکونومی دان ستاتیسٹیک

JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Soalan-Soalan Lazim Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021

Januari 2022

Jabatan Persaingan & Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan Ekonomi & Statistik

www.deps.gov.bn/cad | Tingkat 3, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA1311

Soalan-Soalan Lazim Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021

Isi Kandungan

PENGENALAN	1
1. <i>Apakah objektif pindaan dilaksanakan ke atas Akta Kawalan Harga, Penggal 142?.....</i>	1
2. <i>Apakah pindaan utama yang terkandung di dalam Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 tersebut?.....</i>	1
3. <i>Apakah penalti yang akan dikenakan kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142?.....</i>	2
4. <i>Apakah yang dimaksudkan dengan barang keperluan asasi?.....</i>	3
5. <i>Bagaimanakah proses penetapan harga maksimum barang keperluan asasi dilaksanakan?</i>	3
6. <i>Apakah saranan kepada para peniaga mengenai pindaan ini?.....</i>	3
7. <i>Di manakah orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021?.....</i>	3

PENGENALAN

Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 telah mula **berkuatkuasa** pada **23 November 2021**.

Soalan-soalan lazim berikut disediakan sebagai rujukan bagi memudahkan pihak peniaga, orang ramai, dan pihak yang berkepentingan memahami pindaan-pindaan yang terdapat di dalam Perintah tersebut.

1. Apakah objektif pindaan dilaksanakan ke atas Akta Kawalan Harga, Penggal 142?

Objektif utama Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 adalah untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Kawalan Harga, Penggal 142 agar sentiasa relevan dengan peredaran masa bagi memelihara kepentingan dan kesejahteraan orang ramai disamping bagi mencapai impak yang positif terhadap pasaran dan matlamat ekonomi negara.

Disamping itu juga, ianya membolehkan penguatkuasaan dan kerja pemantauan dapat dilaksanakan ke atas harga barang keperluan asasi terpilih dalam keadaan tertentu seperti musim perayaan atau semasa krisis bagi tempoh yang bersesuaian.

2. Apakah pindaan utama yang terkandung di dalam Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 tersebut?

Pindaan utama Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 termasuk:

- Pengemaskinian senarai barang yang dikawal harga maksimum secara berterusan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 yang mana termasuk barang yang diberikan subsidi oleh Kerajaan seperti beras, gula dan bahan tenaga.

Terdapat 10 kategori barang yang ditetapkan harga maksimum seperti berikut:

- i) Beras (diperolehi dan dibekalkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi)
- ii) Gula (diperolehi dan dibekalkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi)
- iii) *Motor gasoline*, RON 97
- iv) *Motor gasoline*, RON 92
- v) *Motor gasoline*, RON 88
- vi) *Automotive gas oil*, Diesel
- vii) *Kerosene*
- viii) *Liquefied petroleum gas* (LPG)
- ix) Susu tepung formula anak damit
- x) Minyak masak (*canola*, jagung, palma, sayur, *sunflower* dan kacang soya)
- xi) Kenderaan bermotor penumpang

- **Pindaan Bab 3B**

Maklumat jenis barang yang dikawal harga oleh pihak Kerajaan boleh diumumkan melalui atau mengikut kaedah yang difikirkan bersesuaian seperti laman sesawang rasmi Jabatan sebagai tambahan melalui kaedah pewartaan.

- **Pindaan Bab 7(1)**

Makluman mengenai larangan bagi amalan menimbun (hoarding) barang terkawal dengan kuantiti yang lebih daripada yang diperlukan untuk penggunaan biasa dapat diumumkan melalui kaedah yang difikirkan bersesuaian bagi makluman orang ramai selain daripada melalui perintah yang diwartakan.

- **Pindaan baru Bab 10(1)**

Memberikan kuasa kepada Pengawal Harga untuk mendapatkan maklumat yang berkenaan harga daripada pihak peniaga. Adalah menjadi satu kesalahan jika terdapat mana-mana peniaga yang enggan bekerjasama untuk mengongsikan maklumat atau memberikan sebarang rekod atau dokumen yang diperlukan atau menghasilkan maklumat, rekod dan dokumen palsu.

- **Peruntukan baru Bab 10BA**

Menghalang Pengawal Harga atau seseorang yang diberi kuasa daripada menjalankan tugas penguatkuasaan termasuk menghalang daripada memasuki premis, memeriksa sebarang rekod perniagaan, gagal menyerahkan sampel mana-mana harga barang yang terkawal yang diperlukan adalah menjadi satu kesalahan.

- **Pindaan peruntukan Bab 11(1)**

Menteri boleh membuat sebarang Peraturan-Peraturan dengan Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjalankan peruntukkan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

3. Apakah penalti yang akan dikenakan kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142?

Peniaga yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh dikenakan denda sebanyak \$5,000 dan penjara selama 2 tahun.

Bagi kesalahan kedua atau berulang akan dikenakan denda sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun.

4. Apakah yang dimaksudkan dengan barang keperluan asasi?

Barangan keperluan asasi merupakan makanan asas dan barang pengguna yang dianggap memadai untuk kesihatan yang baik dan keperluan hidup.

5. Bagaimanakah proses penetapan harga maksimum barangan keperluan asasi dilaksanakan?

Sebelum penetapan harga maksimum ke atas barangan keperluan asasi dilaksanakan, penganalisaan maklumat dan konsultasi akan dibuat dengan pelbagai agensi pengawalselia sektor barangan berkenaan dan termasuk pihak berkepentingan bagi menilai impak, kos dan pasaran secara holistik ke atas penetapan harga barangan tersebut.

6. Apakah saranan kepada para peniaga mengenai pindaan ini?

Adalah disarankan kepada pihak peniaga khususnya peruncit, pengimport dan pembekal yang menjual dan membekalkan barangan asasi dikawal atau dipantau harga untuk mengikut arahan harga yang telah ditetapkan mengikut tempoh yang diumumkan.

Pihak peniaga juga disarankan untuk menyimpan dengan teratur dan bersedia dengan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Pengawal Harga seperti invois dan rekod perniagaan bagi memudahkan pegawai-pegawai pemeriksa menjalankan tugas-tugas pemeriksaan dan pemantauan sepertimana yang terkandung di dalam Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021.

Mana-mana peniaga yang enggan bekerjasama atau mengongsikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan denda sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun.

7. Di manakah orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021?

Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 dan undang-undang tambahan sedang dalam proses pewartaan. Apabila telah diwartakan, ianya akan diperolehi melalui Pejabat Peguam Negara dan juga akan dimuatnaik di laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

Bagi sebarang penjelasan lanjut mengenai pindaan tersebut di atas, boleh berhubung terus ke saluran rasmi Jabatan seperti berikut:

- Di talian: 2230223 (waktu pejabat)
- Emel: dcca@jpes.gov.bn | kawalanharga@jpes.gov.bn
